

Papan tanda kedai makan sekarang banyak bertukar kepada "restoran".

*Kamus Dewan* (2016), iaitu kedai tempat makanan dan minuman dijual atau kedai makan.

*Tesaurus Bahasa Melayu Dewan* (2005) menyenaraikan perkataan kafe, kafeteria, restoran, gerai, warung dan kedai makan sebagai perkataan yang bersinonim dengan kedai makan dalam bahasa Melayu. Perkataan yang tersenarai itu dipinjamkan dalam bahasa Melayu sebagai perkataan alternatif bagi kedai makan. Dengan demikian, kini sudah terdapat beberapa perkataan yang bersinonim dengan kedai makan.

Perkataan warung yang digunakan di negara jiran, Indonesia pun diterima dalam kosa kata Melayu untuk menerangkan maksud tempat orang makan. Perkataan warung terakam dalam kosa kata Melayu sejak tahun 1960 lagi. Ada dicatatkan dalam *Kamus Dewan* (1970), perkataan warung sebagai kedai dan lepau. Lepau bermaksud kedai kecil. Warung dalam *Kamus Besar Indonesia Online* diterangkan sebagai tempat menjual makanan, minuman dan kelontong. Walau bagaimanapun, perkataan warung agak terhad penggunaannya dalam kalangan pengguna bahasa Melayu.

Perkataan kantin, kafe dan kafeteria membawa maksud tempat makan. Kantin ditakrifkan sebagai tempat makan dan minuman di sekolah dan pejabat, manakala kafeteria bermaksud sebagai restoran layan diri. Kafe pula mendukung maksud restoran kecil yang menyajikan makanan dan minuman ringan. Perkataan tersebut merupakan perkataan pinjaman yang diterima sebagai kata alternatif bagi kedai makan dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Kini, muncul beberapa istilah lain yang membawa maksud tempat atau gerai makan, antaranya medan selera atau *food court*. Istilah bistro juga mula digunakan, terutamanya di bandar besar. Bistro daripada perkataan pinjaman Perancis yang membawa maksud kedai kecil yang bukan mewah.

Takrifan kantin, kafe, restoran, medan selera, bistro dan kafeteria menunjukkan sedikit perbezaan makna antara perkataan tersebut dengan kedai makan. Persamaan makna hanya terletak pada komponen


makna "tempat untuk makan". Barangkali dengan meneliti entri makna dalam kamus tersebut perbezaan kecil antara perkataan tersebut dapat ditunjukkan.

Jadual 1 Entri makna bagi kantin, kafe, kafeteria, kedai makan, medan selera, warung, restoran dan bistro.

Perkataan	Entri Makna
kantin	tempat makan dan minum di sekolah, pejabat dan lain-lain
kafe	restoran kecil yang menyajikan makanan dan minuman ringan
kafeteria	restoran layan diri
kedai makan	kedai tempat menjual makanan (nasi dan lain-lain)
warung	kedai kecil tempat menjual makanan dan minuman
restoran	kedai tempat makanan dan minuman dijual
bistro*	restoran kecil
medan selera	tempat terdapatnya banyak gerai yang menjual berbagai-bagai jenis makanan untuk orang ramai

*Kamus Dewan* (2016) menjelaskan gerai sebagai tempat menjual barang atau kedai (kecil). Hal ini bermakna maksud gerai yang agak berbeza berbanding dengan makna kantin, kafe atau kafeteria. Dengan hal yang demikian, gerai tidak boleh dijadikan kata yang bersinonim dengan kedai makan. Namun, kini terdapat juga penggunaan gerai makanan untuk merujuk tempat yang menjual makanan, biasanya kedai kecil di tepi jalan.

Demikianlah serba sedikit perkembangan perkataan kedai makan dan beberapa perkataan lain yang wujud dalam bahasa Melayu untuk menerangkan maksud tempat makan. Penulis ini yakin bahawa dalam peredaran zaman akan muncul beberapa istilah lain lagi untuk menerangkan konsep tempat makan kerana pelbagai tempat makan disediakan bagi memudahkan manusia menjamu selera mengikut pelbagai jenis cita rasa selera di negara ini. **FB**



Taufan mengakibatkan bencana yang meragut banyak nyawa dan harta benda. Taufan yang membadai sering diingat bersama-sama namanya. Masakan kita dapat melupakan nama-nama seperti Katrina, Mawar, Rita, Wilma, Sandy, Greg, dan Durian. Dari sudut peristilahan, pemberian lambang atau nama khusus itu menggolongkan himpunan nama taufan sebagai kosa kata khusus atau istilah kerana memenuhi kriteria yang ada pada istilah. Definisi istilah merujuk kata atau lambang yang membentuk unit terkecil dan mempunyai makna khusus. Sebagai contohnya seperti yang berikut:

Istilah kata akar	-	tular
Istilah berimbuhan	-	penularan, ketularan
Istilah gabungan	-	penyakit tular, berita tular

Penciptaan istilah mengikut perancangan yang khusus boleh menimbulkan spekulasi teori. Sebagai misalnya, jika kita menemui sejumlah besar persamaan dalam pola penamaan teks yang berhubung dengan butir leksikal tertentu, bererti kita telah berjaya melaksanakan perkara yang berikut, iaitu:

1. Mentafsirkan peraturan penamaan yang boleh diterapkan dalam sesuatu bidang.
2. Mewujudkan peraturan penamaan untuk masa hadapan bidang berkenaan.
3. Kemungkinan mengaitkan motivasi pola penamaan dengan motivasi penciptaan konsep.

Nama taufan dapat dijelaskan berdasarkan prinsip peristilahan yang dinyatakan di atas. Untuk penjelasan dari sudut peristilahan, yang berikut merupakan antara nama taufan yang pernah dilaporkan:

Bil.	Nama Taufan	Tempat Kejadian	Bulan/Tahun Kejadian
1.	Taufan Oscar	Tokyo	September 1995
2.	Taufan Rusa	Korea Selatan	Ogos 2002
3.	Taufan Wilma	Mexico	Oktober 2005
4.	Taufan Katrina	Amerika Syarikat	Ogos 2005
5.	Taufan Durian	Filipina	November 2006
6.	Taufan Sepat	Filipina	Ogos 2007
7.	Taufan Isaac	Louisiana	Ogos 2012
8.	Taufan Irma	Florida	September 2017
9.	Taufan Maria	Puerto Rico	September 2017
10.	Taufan Mawar	China	September 2017

Dari segi bentuk kata, istilah nama taufan ini terdiri daripada kata dasar konkrit, serta tiada kata


berimbuhan dan kata yang abstrak. Ciri bentuk istilah nama taufan ini berbeza daripada bentuk istilah dalam kebanyakan bidang lain kerana istilah dalam bidang lain boleh berbentuk konkrit atau abstrak, bentuk kata dasar atau berimbuhan. Ciri domain juga unik bagi istilah nama taufan kerana domain kata hanya terdiri daripada kata nama khas, iaitu nama orang dan kata nama am haiwan dan tumbuhan. Sebahagian besar nama itu pula terdiri daripada nama perempuan, seperti Wilma, Katrina, Irma, Maria, dan Mawar. Hanya sebahagian kecil daripadanya merupakan nama lelaki.

Dilaporkan bahawa pada peringkat awal dahulu, nama taufan itu hanya melibatkan nama perempuan, sehinggalah perkara itu mendapat bingkangan masyarakat, khususnya kaum perempuan. Maka selepas itulah nama kaum lelaki juga digunakan untuk menamakan taufan. Hal yang sedemikian ini dapat dikaitkan dengan sosioterminologi, iaitu istilah dan hubungannya dengan masyarakat. Dalam hal ini, peranan masyarakat telah menjadikan penamaan taufan tidak berat sebelah kepada satu gender sahaja memandangkan kejadian taufan adalah sesuatu yang negatif. Oleh hal yang demikian, penggunaan satu gender memberikan persepsi negatif terhadap gender yang dikaitkan dengan istilah taufan.

Seterusnya, dari segi proses pembentukan istilah, pembentukan nama taufan ini melibatkan proses



Dilaporkan bahawa pada peringkat awal dahulu, nama taufan itu hanya melibatkan nama perempuan, sehinggalah perkara itu mendapat bingkangan masyarakat, khususnya kaum perempuan. Maka selepas itulah nama kaum lelaki juga digunakan untuk menamakan taufan.



Pemandangan dari udara yang menunjukkan pergerakan angin taufan berlaku.

penyempitan makna. Sebagai misalnya, Rusa dan Sepat yang masing-masing merujuk haiwan mamalia dan ikan berserta pelbagai ungkapan dan makna konotasi kata berkenaan disempitkan maknanya untuk merujuk maksud nama taufan. Hal ini ditunjukkan melalui perbandingan makna kata rusa dalam *Kamus Dewan* dengan makna taufan Rusa. Kategori kata juga berubah, iaitu daripada kata nama am menjadi kata nama khas.

Makna dalam <i>Kamus Dewan</i> untuk kata rusa (makna yang pelbagai)	Makna Taufan Rusa (makna yang telah disempitkan)
sj. binatang yg tanduknya bercabang-cabang dan memakan tumbuh-tumbuhan, menjangan, <i>Cervus equimus</i> ; jenis-jenisnya " babi, " balas, " dandi, " nibung; " di hutan, kancah sudah terjering prb. barang sesuatu yg belum pasti didapat sudah direka-reka akan gunanya; mati kerana jejak, mati kuau kerana bunyi prb. mendapat bencana kerana perbuatannya atau sesuatu yg. menjadi kemegahannya;...	Nama taufan yang melanda Korea Selatan pada Ogos 2002.

Penyempitan makna ini sama dengan pembentukan istilah *mouse* (sejenis peranti komputer) yang diambil daripada kata umum *mouse*, iaitu sejenis haiwan.

Kaedah penciptaan istilah nama taufan dilaporkan telah mengalami perubahan. Menurut *Ensiklopedia Britannica*, sejarah penciptaan nama taufan pada awalnya menggunakan nama tempat taufan itu berlaku. Namun, kaedah ini telah ditukar kerana didapati tidak praktis. Yang berikutnya, pada awal abad ke-19, kaedah penamaan taufan dibuat sempena nama orang yang dianggap keramat dalam agama Kristian. Oleh hal yang demikian, terhasillah nama, seperti Taufan Santa Ana dan Taufan San Filipe di Puerto Rico. Kaedah penciptaan nama taufan ini seterusnya mengalami sedikit anjakan pada tahun 1950-an apabila sistem pemberian nama

mengikut abjad diperkenalkan oleh sekumpulan ahli kaji cuaca Amerika Syarikat yang pada peringkat awalnya hanya menggunakan nama wanita. Setelah menerima bingkangan daripada kumpulan aktivis wanita di Amerika Syarikat, maka pada penghujung tahun 1970-an, nama orang lelaki turut dimasukkan secara bergilir-gilir dalam senarai nama taufan. Dalam *Ensiklopedia Britannica* juga dinyatakan bahawa pemilihan nama itu diselaraskan oleh jawatankuasa peringkat antarabangsa, iaitu Pertubuhan Kaji Cuaca Sedunia. Setiap negara anggota pertubuhan ini berperanan menyumbangkan nama taufan untuk diselaraskan pada peringkat antarabangsa. Malaysia turut terlibat sebagai anggota jawatankuasa istilah nama taufan dan turut menyumbang mencadangkan nama taufan.

Kaedah pembentukan istilah nama taufan ini berbeza daripada kaedah pembentukan istilah yang lain. Berkaitan pembentukan istilah nama taufan, nama tertentu boleh dihapuskan jika taufan itu menyebabkan kadar kematian atau kerosakan harta benda yang tinggi, nama tersebut tidak akan digunakan lagi dan digantikan dengan nama yang lain. Antara nama taufan yang telah dihapuskan termasuklah Andrew, Diana, Georges, Jane dan Mitch. Di Asia pula, nama taufan seperti Rusa, Vamei, Imbudo, dan Chataan juga dihapuskan dan masing-masing digantikan dengan Nuri, Peipah, Molave dan Matmo.

Kesimpulannya, pembentukan istilah nama taufan mempunyai sejarah yang panjang serta mempunyai keunikan yang tersendiri berdasarkan ciri yang terdapat pada istilah berkenaan. Pembentukan istilah nama taufan juga dibuat berdasarkan proses pembentukan istilah yang dilaksanakan oleh jawatankuasa berwibawa, yang menyelaraskan istilah berkenaan pada peringkat antarabangsa kerana sifat istilah yang universal. Hal yang sedemikian ini menunjukkan bahawa kerja pembentukan istilah memerlukan sebuah jawatankuasa yang berwibawa untuk memastikan ketepatan dan keselarasan istilah yang dihasilkan. **PB**